

E. PENGAKUAN (UUK 14)

- i. Saya dengan ini mengaku dan patuh kepada Undang-Undang Kecil Koperasi dan Aturan-Aturan yang dibuat dibawahnya serta pindaan-pindaan yang dibuat dari semasa ke semasa.
- ii. Saya juga mengaku bahawa saya bukan muflis atau telah berdaftar sebagai seorang pesalah di bawah satu kesalahan boleh didaftar menurut Akta Penjenayah dan Orang Bersalah 1969, atau telah melakukan satu kesalahan yang mana tidak dapat dikecualikan oleh Ketua Pendaftar di bawah Peraturan-Peraturan Koperasi 1995.
- iii. Saya tidak pernah dipecat keanggotaan daripada mana-mana Koperasi dalam tempoh satu (1) tahun sebelum daripada tarikh permohonan ini.
- iv. Saya dengan ini bersetuju memberi kebenaran kepada majikan saya untuk membuat potongan gaji bagi perkara **di Bahagian C** mengikut jumlah yang tercatat.
- v. Saya mengaku bahawa segala keterangan-keterangan yang diberikan di dalam borang ini adalah betul dan benar belaka.

Tandatangan

--	--	--	--	--	--

Tarikh

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

CATATAN

	TINDAKAN	TARIKH
Disediakan		
Disemak		
Diluluskan		

AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (PDPA) CONSENT FORM

Di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010, kami dikehendaki memperoleh persetujuan jelas anda apabila kami mengumpul dan memproses data peribadi sensitif anda. Kami mengumpul data peribadi sensitif anda untuk menilai permohonan anda dan untuk mentadbirkan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang anda telah meterai perjanjiannya dan untuk memberi tindak balas yang bersesuaian terhadap sebarang pertanyaan dan/atau aduan anda serta untuk menyelesaikan sebarang pertikaian.

Bagi memudahkan pemahaman anda mengenai pengumpulan, penggunaan, pendedahan dan pengeklaman data peribadi anda, sila rujuk kepada Notis Privasi Berhubung dengan Perlindungan Data Peribadi (Notis Privasi) [yang boleh didapati di laman web kami www.kopetro.com.my], dan fasal di dalamnya, yang mungkin juga berkaitan dengan pemprosesan data peribadi anda.

Untuk memproses permohonan ini dan selanjutnya meneruskan pelaksanaan perjanjian-perjanjian kontrak yang dimeterai antara anda dan KOPETRO, kami mungkin perlu mendedahkan data peribadi anda kepada entiti-entiti lain dalam KOPETRO dan pihak-pihak luar yang lain. KOPETRO merujuk kepada syarikat-syarikat induk KOPETRO, anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu, gabungan syarikat-syarikat, wakil-wakil dan pejabat-pejabat cawangan. Pihak luar yang kami dedahkan data peribadi anda mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada:-

- (1) badan-badan kerajaan dan kawal selia seperti Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti,
- (2) rakan-rakan niaga strategik kami,
- (3) sebarang penyedia perkhidmatan, ejen atau kontraktor pihak ketiga yang dilantik oleh kami atau syarikat berkaitan, bersekutu atau gabungan untuk menyediakan produk/perkhidmatan yang berkaitan dengan perniagaan mereka; syarikat-syarikat insurans atau pengendali takaful, penaksir tuntutan pihak ketiga, perkhidmatan mengesan dan mencegah penipuan, syarikat-syarikat insurans atau takaful semula dan pihak berkuasa; sebarang agensi rujukan kredit seperti RAM Credit Information atau Sistem Pelaporan Kredit Angkasa dan RAMCI (SPEKAR) dan agensi pelaporan kredit lain atau, dalam kes kemungkiran bayaran, sebarang agensi pemungut hutang; sebarang organisasi untuk penarafan kredit yang mengumpul maklumat mengenai latar belakang kredit, kejadian kemalangan, penerangan kecederaan dan amaun-amaun yang telah dibayar dan berkongsi maklumat tersebut dengan syarikat-syarikat insurans, pengendali takaful yang lain dan pihak yang berhak untuk mendapatkan maklumat tersebut; sebarang pemegang serah hak, penama dan (mana-mana pihak ketiga yang lain kepada hak atau perniagaan kami); sebarang pihak yang kami bertanggungjawab untuk membuat pendedahan di bawah syarat undang-undang, peraturan, perintah mahkamah, kod praktis atau panduan yang kami terikat dengannya, (secara kolektifnya, "Pihak-pihak Luar yang lain" adalah merujuk kepada (2) dan (3)). Pihak-pihak ini mungkin memperoleh dan/atau memproses data peribadi anda di dalam atau di luar Malaysia.

DEKLARASI

Dengan menandatangani borang ini, saya mengisytiharkan bahawa saya telah baca dan fahami serta bersetuju untuk tertakhluk kepada *Notis Privasi* KOPETRO dan menyatakan persetujuan dan memberi kuasa kepada KOPETRO dan mana-mana Pihak Luar yang lain untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan, memadam, mendedahkan, memindah, mentadbir dan memproses melalui mana-mana cara yang lain, semua data peribadi saya (termasuk data peribadi sensitif dan data peribadi pihak lain yang telah diberikan oleh saya (selepas ini dirujuk sebagai "Data Peribadi") yang telah diberikan samada pada ketika ini atau kemudian memperolehnya dari semasa ke semasa bagi tujuan seperti yang disenaraikan di bawah. Saya juga memberi persetujuan kepada ANGKASA, Sistem Pelaporan Kredit Angkasa dan RAMCI (SPEKAR), RAM Credit Information di bawah Akta Pelaporan Kredit 2010 bagi mendedahkan maklumat kredit peribadi saya kepada KOPETRO. Saya bersetuju dan faham bahawa sekiranya saya tidak memberikan Data Peribadi seperti yang diminta, KOPETRO tidak akan dapat menjalankan mana-mana tujuan yang termasuk tetapi tidak terbatas kepada:

- Untuk meminta dan memperolehi kesemua maklumat dan data peribadi yang diperlukan bagi tujuan memproses permohonan ini dan semua tujuan-tujuan lain berkaitan dengan mana-mana produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh KOPETRO;
- Penyelenggaraan dan/atau pengelolaan hubungan transaksi saya dan/atau akaun saya dengan KOPETRO;
- Untuk memberi tindak balas yang bersesuaian terhadap sebarang pertanyaan dan/atau aduan anda serta untuk menyelesaikan sebarang pertikaian;
- Untuk memberi sokongan kepada KOPETRO berkenaan dengan proses dan prosedur yang berkaitan seperti menilai keberkesanan pemasaran, penyelidikan pasaran, analisis statistik dan pemodelan, membuat laporan, audit dan pengurusan risiko serta untuk mengelakkan sebarang penipuan dari semasa ke semasa;
- Untuk memaklumkan mengenai produk dan perkhidmatan terbaru KOPETRO termasuk untuk tujuan jualan silang, pemasaran, promosi, tawaran dan pertandingan termasuk produk dan perkhidmatan anak-anak syarikat atau sekutu KOPETRO ("pemasaran langsung");
- Untuk mendedahkan maklumat mengenai saya dan/atau akaun dan/atau fasiliti saya dengan KOPETRO (serta dengan entiti-entiti lain di dalam KOPETRO) kepada pihak-pihak ketiga berkaitan; dan
- Untuk tujuan-tujuan lain seperti yang dikehendaki oleh undang-undang atau peraturan-peraturan yang berkaitan.

Dengan menandatangani borang ini, saya seterusnya mengesahkan bahawa kesemua data peribadi (termasuk data peribadi sensitif) yang saya telah berikan adalah semuanya benar, terkini dan tepat. Sekiranya terdapat apa-apa perubahan pada mana-mana data peribadi saya, saya akan memaklumkan kepada KOPETRO dengan serta merta. Saya berhak untuk mengakses dan membetulkan data peribadi saya dan saya berhak menarik balik kebenaran saya pada bila-bila dengan melengkapkan Borang Kemaskini Ahli yang boleh diperolehi di mana-mana cawangan KOPETRO. Saya memahami bahawa berdasarkan permintaan informasi-informasi dari saya, KOPETRO mungkin berhak mengenakan bayaran yang minima bagi pemrosesan permintaan akses data saya. KOPETRO juga boleh mengambil langkah-langkah untuk mengesahkan identiti saya sebelum memenuhi permintaan akses data saya. Melainkan ia menghalang KOPETRO daripada menjalankan tanggungjawabnya kepada saya atau menentang tujuan saya memberi data peribadi saya kepada KOPETRO, saya boleh menarik balik sebarang bahagian kebenaran ini dengan menyatakan kepada KOPETRO secara bertulis.

Saya juga bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi ini dari KOPETRO (yang boleh didapati di www.kopetro.com.my), dan klausa di dalamnya, sebagaimana yang berkaitan dengan pemrosesan data peribadi saya.

Nota: Dari masa ke semasa, KOPETRO berhak untuk mendedahkan data peribadi anda (termasuk data peribadi sensitif) kepada Pihak Luar yang lain bagi tujuan pemasaran dan promosi-promosi yang mungkin menarik minat anda. Untuk mendapatkan maklumat sedemikian, persetujuan anda diperlukan.

Sila lengkapkan dengan HURUF BESAR:

Nama Penuh (seperti di dalam K/P) : _____		No. Kakitangan : _____	
No. K/P : _____		No. Telefon (Pejabat): _____	
No. Telefon (Mobile): _____		No. Telefon (Rumah) : _____	
Emel : _____			
Alamat surat-menyurat : _____ _____			
Tandatangan : _____		Tarikh : _____	